



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564
Faks : 03 8891 5557
Laman Web : www.kpkt.gov.my
Email : media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter : @kpkt_gov
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.46 (33)

Tarikh : 24 Jun 2021

SIARAN MEDIA

KEBENARAN BEROPERASI KONTRAKTOR G1 DAN G2 BAGI PROJEK- PROJEK BERSKALA KECIL DI BAWAH PIHAK BERKUASA TEMPATAN SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) FASA 1 BERKUATKUASA SERTA MERTA

PUTRAJAYA, 24 JUN 2021 – Mesyuarat Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 21 Jun 2021 telah memutuskan untuk membenarkan Kontraktor G1 dan G2 yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk melaksanakan kerja-kerja pembinaan bagi projek-projek berskala kecil di bawah PBT dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 1 berkuat kuasa serta-merta.

Kontraktor-kontraktor berkenaan tidak perlu mendapatkan kebenaran beroperasi melalui sistem CIMS yang diselenggara oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Sebaliknya surat kebenaran beroperasi akan dikeluarkan oleh PBT bagi mempercepatkan proses kerja.

Surat kebenaran beroperasi yang dikeluarkan oleh PBT adalah tertakluk kepada pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) semasa yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Kerja Raya (KKR) dan peraturan-peraturan PBT bagi mengekang penularan wabak COVID-19.

TAMAT

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin selaku Menteri terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my